

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 MASALAH KAJIAN

Dakwah merupakan tugas utama para nabi dan rasul. Setelah kewafatan nabi yang terakhir Nabi Muhammad SAW maka tugas dakwah itu disambung oleh tokoh-tokoh dakwah khususnya dan umat Islam seluruhnya sehingga kini. Dakwah sangat penting dan berperanan besar dalam mengembalikan dan membimbing manusia ke jalan Allah SWT serta membangunkan masyarakat yang sejahtera. Untuk mencapai tujuan dakwah tersebut, satu perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh pendakwah dalam menyampaikan dakwah ialah pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah yang digunakan pastilah bersesuaian dengan keadaan sasaran supaya dapat menarik perhatian dan mempengaruhi mereka. Oleh yang demikian, untuk menjayakan menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran dalam menyampaikan dakwah secara lebih berkesan, pastilah menggunakan pendekatan dakwah yang sesuai dengan keadaan sasaran.

Di Selatan Thailand, Ismail Lutfi Japakiya<sup>1</sup> merupakan antara tokoh dakwah yang aktif dalam mengembalikan masyarakat Islam kepada ajaran Islam yang syumul<sup>2</sup> bersumberkan al-Quran dan sunah serta mengikut minhaj salaf soleh sebagai landasan hidup seharian.<sup>3</sup> Dakwah beliau terbukti berjaya menarik perhatian dan mempengaruhi pelbagai lapisan masyarakat. Pelbagai usaha dan aspek yang telah dilakukan oleh Ismail Lutfi dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat.

Keadaan tersebut telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji iaitu apakah pendekatan dakwah yang digunakan oleh Ismail Lutfi? Dan apakah faktor yang menjadikan dakwah Ismail Lutfi mampu menarik perhatian pelbagai lapisan masyarakat Islam di

---

<sup>1</sup> Selepas ini pengkaji akan menyebut hanya nama beliau sahaja iaitu Ismail Lutfi.

<sup>2</sup> Yang dimaksudkan dengan ajaran Islam yang syumul ialah ajaran Islam secara lengkap dan menyeluruh semua aspek hidup sama ada ibadat, politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain bukan hanya khusus kepada ibadat sahaja.

<sup>3</sup> Majlis al-'Ilm Faṭānī (1996), *Risālah al-Shukr wa al-Naṣīhah*. Pattani: Majlis al-'Ilm Faṭānī, h. 6-26.

Selatan Thailand? Oleh itu, kajian yang akan dilakukan adalah untuk meneliti pendekatan dakwah yang diaplikasikan oleh beliau serta faktor tarikan dakwah beliau kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand.

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengkaji realiti sebenar masyarakat Islam di Selatan Thailand.
2. Mengenal pasti pendekatan dakwah Ismail Lutfi.
3. Mengenal pasti faktor yang menjadi tarikan kepada sasaran dalam dakwah Ismail Lutfi.

## **1.3 KEPENTINGAN KAJIAN**

Dalam kajian ini pengkaji telah menganggarkan beberapa kepentingan berikut akan dicapai insya-Allah:

1. Dapatan kajian boleh menjelaskan kepentingan pendekatan dakwah dan faktor tarikan yang menarik perhatian sasaran.
2. Dapatan kajian juga mengenai realiti masyarakat Islam di Selatan Thailand mampu memberikan gambaran dan maklumat yang sebenar tentang keadaan serta perkembangan masyarakat Islam di Selatan Thailand pada masa kini.
3. Dapatan kajian menjelaskan mengenai pendekatan dan tarikan dakwah yang diaplikasikan oleh Ismail Lutfi untuk dijadikan panduan serta menambahkan lagi maklumat yang baru untuk mempertingkatkan dan memantapkan lagi cara berdakwah dan kualiti daya tarikan bagi golongan pendakwah khususnya golongan pendakwah di Selatan Thailand dalam menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran.

4. Kajian ini penting dalam menyumbang kepada khazanah ilmu dan dapat membantu para pengkaji untuk meneruskan kajian seterusnya dalam bidang ini dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengannya.

#### **1.4 SKOP KAJIAN**

Kajian ini hanya terbatas di tiga wilayah Selatan Thailand sahaja iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat daripada jumlah keseluruhannya 14 wilayah. Ini kerana dakwah Ismail Lutfi kebanyakannya di sekitar tiga wilayah tersebut sahaja. Kajian ini juga terbatas kepada masyarakat Islam sahaja kerana kawasan tersebut majoritinya orang Islam berbanding dengan orang bukan Islam dan dakwah Ismail Lutfi lebih tertumpu kepada masyarakat Islam.

Kajian ini hanya melibatkan golongan masyarakat Islam yang terlibat dengan pengajian kuliah mingguan Ismail Lutfi di *Majlis al-'Ilm Faṭānī* yang terletak di kampung Chaleam, mukim Pujud, daerah Muang, wilayah Pattani dan *Majlis al-'Ilm* Universiti Islam Yala (UIY) yang terletak di kampung Paramitae, mukim Budi, daerah Muang, wilayah Yala. Di samping itu juga, golongan pelajar di UIY, ahli akademik dan tuan guru atau pemimpin yang tidak sehaluan dengan beliau iaitu seramai empat orang sahaja. Melalui cara tersebut, maklumat-maklumat yang lebih jelas akan diperolehi oleh pengkaji iaitu dalam bab tiga dan empat.

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada dua aspek utama iaitu pendekatan dan faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi di Selatan Thailand. Pengkaji akan melihat faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi kepada tiga aspek iaitu aspek personalitinya, aspek isi penyampaiannya dan aspek gaya persembahan mesejnya kerana ketiga-tiga aspek tersebut telah meliputi serta menjawab faktor tarikan dakwah beliau.

Kajian ini juga turut melihat realiti masyarakat Islam di Selatan Thailand secara umum semenjak wujudnya sejarah awal masyarakat Islam di Selatan Thailand sehingga

dewasa ini (sebelum pengkaji mengumpul dan menganalisis data-data tersebut) supaya mendapat gambaran yang sebenar keadaan masyarakat tersebut.

## **1.5 HURAIAN TAJUK**

Tajuk disertasi ini ialah “ *Pendekatan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya di Selatan Thailand*” berdasarkan tajuk di atas, pengkaji akan menghuraikan perkataan yang terkandung di dalam tajuk dengan terperinci agar mudah difahami dengan lebih jelas.

### **1.5.1 Pendekatan**

Pendekatan berasal daripada perkataan dekat. Pendekatan memberi erti kaedah atau cara atau langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas atau mengatasi masalah.<sup>4</sup> Oleh itu, pendekatan memberi maksud cara atau kaedah untuk melaksanakan sesuatu.

### **1.5.2 Dakwah**

Perkataan dakwah (الدعوة) berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan dasar iaitu ( دعا ) sebagai kata perbuatan. Kalimat (الدعوة) memberi maksud seruan, ajak, panggilan, meminta atau doa, jemputan, dakwaan.<sup>5</sup> Menurut *Kamus Dewan* pula, dakwah ialah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.<sup>6</sup> Oleh itu, dapat difahami bahawa dakwah ialah kegiatan perseorangan atau berkumpulan yang bertujuan menyeru atau mengajak manusia supaya berganding dengannya dalam sesuatu perbuatan.

---

<sup>4</sup>Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: DBP, h. 328.

<sup>5</sup>Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (t.t.), *al-Mu'jam al-Wasīf*. Istanbūl: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 286.

<sup>6</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 405.

Perkataan dakwah daripada sudut istilah pula terdapat pelbagai pandangan para ulama dalam memberi pengertian dakwah adalah seperti berikut:

Muḥammad Abū al-Faṭḥ al-Bayānūnī menyatakan dakwah ialah menyampaikan Islam kepada manusia, mengajar Islam kepada mereka dan melaksanakan Islam dalam kehidupan seharian.<sup>7</sup> Menurut Taufiq al-Wā'ī pula, dakwah membawa maksud mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah SWT, mengaku dengan dua kalimah syahadah, melaksanakan minhaj Allah SWT di muka bumi ini, sama ada melalui perkataan atau perbuatan seperti mana yang didatangkan daripada al-Quran dan sunah agar ajaran agama Islam dilaksanakan hanya untuk Allah SWT sahaja. Ia membawa maksud berdakwah kepada orang bukan Islam kepada agama Islam dan berdakwah kepada orang Islam sendiri ke arah melaksanakan ajaran Islam serta berusaha menegakkan syariat Allah SWT dan minhajNya di muka bumi ini menerusi pelaksanaan tanggungjawab, menyuruh orang agar berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran agar manusia memperolehi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.<sup>8</sup>

Mengikut H.M. Arifin dakwah adalah suatu kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mempengaruhi orang lain baik secara individu mahupun secara berkelompok supaya timbul dalam dirinya suatu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengamalan terhadap ajaran Islam sebagai mesej yang disampaikan kepadanya dengan tanpa adanya unsur-unsur paksaan.<sup>9</sup>

Pandangan-pandangan tersebut dapat disimpulkan bahawa dakwah ialah sesuatu usaha yang berbentuk perseorangan atau kumpulan untuk menyampaikan risalah Islam kepada manusia seluruhnya sama ada orang Islam dan bukan Islam dengan

---

<sup>7</sup>Muḥammad Abū al-Faṭḥ al-Bayānūnī (1995), *al-Madkhal ilā 'Ilm al-Da'wah*, c. 3. Bīrut: Mu'assasah al-Risālah, h. 17.

<sup>8</sup> Taufiq al-Wā'ī (1995), *al-Da'wah ilā Allāh: al-Risālah- al-Wasīlah- al-Hadaḡ*. Miṣr: Dār al-Yaqīn, h.19.

<sup>9</sup> H.M. Arifin (1991), *Psikologi Dakwah Suatu Pengantar Studi*. Jakarta: Bumi Aksara, h. 6.

mengaplikasikan metode yang teratur supaya manusia menerima ajaran Islam yang disampaikan.

### **1.5.3 Tarikan**

Dalam *Kamus Dewan*, perkataan tarikan membawa maksud daya menarik atau perihal menarik.<sup>10</sup> *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* pula telah membawa maksud yang sangat jelas iaitu daya menarik untuk menarik hati. Ia bermaksud seperti berikut iaitu menimbulkan rasa suka atau senang, mengambil muka, mencari muka, menjilat, perkara-perkara yang sangat menggemarkan hati seseorang melihatnya, meruntun hati, menawan hati, menghambat, mengagumkan, menghairankan, menarik perhatian dan memujuk hati.<sup>11</sup>

Perkataan tarikan dari segi istilah memberi erti keadaan seseorang yang tertarik kepada sesuatu atau kepada seseorang yang mempunyai nilai positif yang tinggi.<sup>12</sup> Mengikut Ab. Aziz Mohd Zin tarikan ialah apabila pemikiran dan mental seseorang itu tertumpu kepada sesuatu maklumat yang diterima.<sup>13</sup> Oleh yang demikian, tarikan memberi maksud keadaan pemikiran dan jiwa seseorang yang terpicat hati atau rasa suka kepada sesuatu maklumat yang diterima atau kepada seseorang yang mempunyai nilai positif yang tinggi.

### **1.5.4 Selatan Thailand**

Selatan Thailand mengandungi 14 wilayah. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Selatan Thailand bahagian atas dan Selatan Thailand bahagian bawah. Selatan Thailand bahagian atas terdiri dari wilayah Chumpon, Surathani, Ranong, Nakorn Sri Tamrat, Pangga, Phuket, Krabi, Trang dan Pathlung. Manakala Selatan Thailand bahagian bawah pula terdiri dari wilayah Songkhla, Satun, Patani, Yala dan Narathiwat.

---

<sup>10</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1610.

<sup>11</sup> Hj. Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 1898.

<sup>12</sup> Joseph A. Devito (2006), *Human Communication*. United States of Amerika: Pearson Education, Inc, h. G-1.

<sup>13</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: JAKIM, h. 59.

Namun dalam kajian ini, Selatan Thailand yang dimaksudkan ialah tiga wilayah sahaja iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat. Kawasan ini terkenal pada masa silam sebagai sebuah negeri yang bernama negeri Patani.<sup>14</sup>

## 1.6 KAJIAN TERDAHULU

Setelah pengkaji membuat ulasan ke atas kajian-kajian dan buku-buku terdahulu, didapati tiada satu kajian yang menyamai kajian ini. Malah, boleh di katakan tiada langsung kajian yang berkaitan dengan faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi di Thailand dan luar negaranya. Namun begitu, terdapat beberapa kajian lain yang berkaitan dengan kajian ini.

Memandangkan tiadanya kajian secara langsung mengenai tajuk tersebut, maka pengkaji cuba mengulas kajian-kajian dan buku-buku yang berkaitan agar menjadi panduan dalam melaksana kajian ini adalah seperti berikut:

1. Kajian oleh Noordin b. Abdullah Dagorha bertajuk *Dakwah Islamiah di Selatan Thailand: Suatu Kajian Tentang Perkembangannya Antara Tahun 1960-1991M*. Disertasi oleh Bahagian Pengajian Usuluddin, APIUM, Kuala Lumpur, pada tahun 1997. Hasil kajian mendapati:
  - a) Dakwah Islamiah merupakan tuntutan ke atas setiap individu Muslim sekadar kemampuan masing-masing.
  - b) Pada tahun 1960-an merupakan tempoh masa pembangunan sekolah-sekolah agama sebagai asas perkembangan dakwah Islamiah.
  - c) Pada tahun 1980-an bermula memasuki ilmu akademik di sekolah-sekolah agama yang didirikan oleh umat Islam.

---

<sup>14</sup> Pengkaji akan menggunakan tulisan kalimat “Patani” yang merujukkan sebuah negeri pada masa silam ketika membincangkan sejarah awal Selatan Thailand sebelum diubah menjadi wilayah dan ia adalah versi bahasa Malayu. Adapun kalimat “Pattani” merujuk kepada wilayah di bawah kuasa kerajaan Thailand dan ia dieja mengikut bahasa Thai. Lihat, W.K. Cheman (1990), *Muslim Separatism The Moros of Southern Philippines and The Malays of Southern Thailand*. Singapore: Oxford University Press, h. 45.

- d) Organisasi dakwah Islamiah ditadbirkan oleh para pentadbir yang tidak memiliki ilmu dan pengalaman pentadbiran mengakibatkan dakwah Islamiah tidak dapat berjalan dengan lancar dan tersusun terutama di sekolah agama. Hasilnya ia tidak dapat berfungsi sebagai sebuah institusi pendidikan yang maju dan canggih di setiap aspek.
- e) Pada tahun 1980-an banyak organisasi dakwah Islamiah ditubuhkan dan wujud aktiviti-aktiviti dakwah yang diadakan untuk masyarakat tetapi hanya sebuah organisasi sahaja yang agak tersusun jika dibandingkan dengan organisasi-organisasi yang lain iaitu Persatuan Pelajar Islam yang diketuai oleh Ismail Lutfi dan rakan-rakannya.

Kajian di atas memfokuskan tentang perkembangan dakwah Islamiah di Selatan Thailand antara tahun 1960-1991M. Kekuatan kajian tersebut terletak kepada pengkaji melihat perkembangan dakwah yang meliputi semua aspek sama ada tokoh dakwah, organisasi dakwah, sambutan dakwah dari masyarakat dan masalah-masalah yang dihadapi oleh dakwah Islamiah dari tempoh 1960-1991M. Bagi kajian pengkaji, pengkaji akan memfokuskan pendekatan dan faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi di Selatan Thailand.

2. Kajian oleh Surainee Sainui bertajuk *Islamic Leaders Social Movement*. Disertasi oleh Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Fakulti Sains Politik, Universiti Chula Longkorn, Bangkok, Thailand, pada tahun 2004. Hasil kajian mendapati:

- a) Pemimpin agama berjaya mempengaruhi masyarakat Islam.
- b) Faktor yang menyumbangkan kepada daya kepimpinan Hj. Sulung b. Abdulqadir dan Ismail Lutfi adalah bermula daripada asuhan keluarga, didikan agama dan pemikiran dalam pembaharuan Islam.



- c) Hj. Sulung b. Abdulqadir dan Ismail Lutfi menggunakan prinsip jihad dalam menggerakkan masyarakat melalui dakwah dan pendidikan yang berintegrasi di antara bahagian agama dan akademik. Ia merupakan *Islamization Process*.
- d) Hj. Sulung b. Abdulqadir telah membina *the rights movement* adalah untuk memperjuangkan serta menuntut hak berbentuk *political rights* yang menjadi hak asasi kemanusiaan. Pergerakan itu dinamakan “New Social Movement”.
- e) Hj. Sulung b. Abdulqadir dan Ismail Lutfi tidak bertindak dengan menggunakan keganasan dalam menyelesaikan masalah di Selatan Thailand tetapi sebaliknya mereka menyokong dan menggunakan cara perdamaian dalam gerakan mereka.

Kajian di atas memfokuskan tentang cara pergerakan dalam masyarakat di Selatan Thailand di antara dua pemimpin agama yang berbeza zamannya iaitu Hj. Sulung b. Abdulqadir dan Ismail Lutfi. Kekuatan kajian tersebut terletak kepada pengkaji menggambarkan konflik pada masa dahulu hingga kini, menerangkan maksud pemimpin dan mendedahkan biografi dan cara pergerakan serta menganalisis daya kepimpinan mereka berdua secara terperinci. Bagi kajian pengkaji, pengkaji akan memfokuskan pendekatan dan faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi di Selatan Thailand.

3. Kajian oleh Anita Abdul Rani bertajuk *Ceramah Dakwah: Kajian Tentang Faktor Tarikannya di Kuantan*. Disertasi oleh Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, APIUM, Kuala Lumpur, pada tahun 2002. Hasil kajian ini mendapati:

- a) Keperibadian penceramah, tajuk ceramah dan teknik penyampaian merupakan tarikan dakwah yang berkesan.
- b) Penceramah memerlukan kebijaksanaan, kegigihan usahanya dan kesabaran untuk menggunakan segala bentuk aspek yang dapat menambah seri ceramah.

- c) Ceramah dakwah banyak memberi input yang besar dalam dakwah Islamiah di Malaysia.

Kajian di atas memfokuskan kepada faktor tarikan ceramah dakwah di kalangan penceramah di Kuantan. Kekuatan kajian tersebut terletak kepada maklumat yang terperinci tentang ceramah dakwah yang mampu menarik perhatian ramai dan dapat dijadikan sebagai panduan kepada penceramah untuk menyampaikan ceramah dengan berkesan. Bagi kajian pengkaji, pengkaji akan memfokuskan pendekatan dan faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi di Selatan Thailand.

Berdasarkan penjelasan tersebut, secara keseluruhannya masih belum ada pengkaji yang benar-benar mengkaji isu pendekatan dan faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi di Selatan Thailand. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas dapat memberi gambaran kepada pengkaji dalam melakukan kajian mengenai tajuk ini.

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi memberi erti sistem yang menerangkan kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>15</sup> Menurut Ahmad Sunawari Long metodologi kajian bermaksud kaedah yang akan digunakan sama ada untuk mengumpul data atau menganalisis data.<sup>16</sup> Dalam *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Desertasi Ijazah Tinggi* menyatakan metodologi kajian mengandungi penerangan dan huraian tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian berkenaan.<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1030.

<sup>16</sup> Ahmad Sunawari Long (2006), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. c. 2. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, h. 42.

<sup>17</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, c.2. Kuala Lumpur: Penerbit APIUM, h. 15.

Oleh yang demikian, boleh dikatakan metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dijalankan secara bersistematik. Secara umumnya metode yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian besar iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.<sup>18</sup>

### **1.7.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data melibatkan usaha untuk mendapatkan data-data atau maklumat-maklumat dengan pelbagai cara seperti soal selidik, temu duga, perbincangan, penyemakan bahan-bahan rujukan dan sebagainya.<sup>19</sup> Data-data yang dikumpulkan itu bertujuan untuk dianalisis.<sup>20</sup> Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis sumber data utama iaitu sumber primari dan sumber sekunder.<sup>21</sup> Dalam mendapatkan data-data tersebut, metode yang diguna pakai terbahagi kepada dua metode iaitu metode kajian perpustakaan dan metode kajian lapangan.<sup>22</sup>

#### **1) Metode Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan (arm chair research) merupakan kajian terhadap dokumen sama ada buku, jurnal, disertasi atau tulisan akhbar berkenaan tajuk yang dikaji sebelum penyelidikan dijalankan.<sup>23</sup> Ia juga merupakan teknik yang mana seseorang pengkaji mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.<sup>24</sup> Sumber data dalam metode ini diperoleh daripada sumber data primari dan sekunder. Sumber primari mengandungi al-Quran dan

---

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> Kamarudin Ngah (1990), *Kaedah Penyelidikan: Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, h. 16.

<sup>20</sup> Kenneth D. Bailey (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.), c. 2. Kuala Lumpur: DBP, h. 765.

<sup>21</sup> Sumber primari ialah sumber yang ada kaitan secara langsung dengan keadaan yang dikaji termasuk temu bual, observasi dan seumpamanya. Sumber primari lain ialah laporan, autobiografi, diari, fail, artifak, tesis, minit mesyuarat, catatan pengembara dan karya asal seseorang penulis kalau sekiranya penulis berkenaan atau zamannya yang dikaji. Mana kala sumber sekunder ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah. Lihat, Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Shah Alam: APIUM & Intel Multimedia and Publication, h. 75.

<sup>22</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2006), *op.cit.*

<sup>23</sup> Ahmad Sunawari Long (2006), *op.cit.*, h. 105.

<sup>24</sup> Mohd. Sheffie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*, c. 2. Bangi: Penerbit UKM, h. 41.

terjemahannya, matan hadis, laporan, tesis dan disertasi. Manakala sumber sekunder mengandungi buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas seminar serta persidangan dan laman-laman web. Oleh yang demikian, metode kajian perpustakaan sangat penting dalam mendapatkan data-data dalam kajian ini.

Metode kajian perpustakaan digunakan untuk mendapatkan data-data tentang kajian terdahulu, teoritikal, biografi Ismail Lutfi, realiti masyarakat Islam di Selatan Thailand dan pendekatan dakwah Ismail Lutfi. Penggunaannya dapat dilihat pada bab satu, bab dua dan bab tiga. Metode ini telah dijalankan di beberapa buah perpustakaan iaitu :

- 1- Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- 2- Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya.
- 3- Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya.
- 4- Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam Malaysia.
- 5- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- 6- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 7- Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.
- 8- Perpustakaan Universiti Islam Yala.
- 9- Perpustakaan Kolej Islam Studies, Universiti Songkla Nakharin, Pattani.

## **2) Metode Kajian Lapangan**

Kajian lapangan (fieldwork research) memberi maksud tempat beradanya gejala atau benda yang hendak selidik.<sup>25</sup> Menurut Sabithai Marican kajian lapangan ialah mengkaji individu dalam satu-satu lokasi atau keadaan. Ia selalu digunakan untuk mengkaji sesuatu pengalaman sosial yang tidak menentu tempat kejadiannya.<sup>26</sup> Kebiasaan data-data yang diperoleh daripada metode kajian lapangan menggunakan metode temu bual, soal selidik,

---

<sup>25</sup> Asmah Hj. Omar (2001), *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan. Kuala Lumpur: DBP*, h.1.

<sup>26</sup> Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 21.

pemerhatian dan sebagainya.<sup>27</sup> Oleh itu, data-data dalam metode ini adalah hasil daripada sumber primari. Bagi mendapatkan data-data dalam kajian lapangan, beberapa metode yang digunakan seperti berikut.

#### **a) Metode Temu bual**

Pendekatan temu bual merupakan antara salah satu metode yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Temu bual ialah pengkaji akan menyoal responden secara lisan dan berhadapan dengannya.<sup>28</sup> Ia juga membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyertaan langsung daripada peserta kajian sendiri.<sup>29</sup> Melalui metode ini, pengkaji akan menemui beberapa orang informan.

Metode temu bual digunakan untuk mendapat data-data seperti berikut:

1. Realiti masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam bab tiga.
2. Biografi Ismail Lutfi dalam bab tiga.
3. Pendekatan dakwah Ismail Lutfi dalam bab tiga.
4. Faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi dalam bab empat.

Metode temu bual dilakukan pada awal bulan Februari dan Ogos 2008. Kemudian dalam bulan April, Mei dan September 2009. Ia digunakan dalam bab tiga dan bab empat.

#### **b) Metode Pemerhatian**

Metode pemerhatian juga dilakukan oleh pengkaji bagi memperoleh maklumat tambahan yang sukar diperoleh melalui temu bual atau soal selidik. Ini kerana ia mempunyai kelebihan iaitu pengkaji dapat memerhati secara langsung tingkah laku subjek kajian, dapat mengelak daripada kesilapan tanggapan, memberi tafsiran dan membuat kesimpulan dan meneroka isu secara mendalam dan berkemungkinan memperoleh maklumat di luar

---

<sup>27</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2001), *op.cit.*

<sup>28</sup> Azhar Harun & Nawawi Abdullah (2004), *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*. Singapura: Thomson, h. 67.

<sup>29</sup> Marohaini Yusoff (2001), "Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah", dalam Marohaini Yusoff (ed.), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit UM, h.109.

jangkaan.<sup>30</sup> Oleh itu, metode pemerhatian merupakan antara metode yang penting dalam mendapatkan maklumat kajian.

Pengkaji akan membuat pemerhatian serta penelitian mengenai keperibadian dan kegiatan-kegiatan dakwah Ismail Lutfi. Sehubungan itu, pengkaji akan memerhati secara khusus keadaan peserta pengajian kuliah mingguan di *Majlis al-'Ilm Faṭānī* dan *Majlis al-'Ilm UIY*. Selain itu, pengkaji juga pernah turut serta dalam pengajian kuliah mingguan Ismail Lutfi di kedua-dua Majlis tersebut selaku pendengar semasa belajar ijazah sarjana muda dahulu bermula 2000 sehingga 2004. Walau bagaimanapun, pengkaji akan membuat pemerhatian kembali bermula pada bulan Februari 2008 sehingga seterusnya kajian ini. Di samping itu, metode pemerhatian juga digunakan untuk melihat realiti masyarakat Islam di Selatan Thailand.

Melalui metode pemerhatian tersebut, pengkaji akan mendapat gambaran dan jawapan yang lebih jelas serta membantu pengkaji dalam mengumpulkan maklumat-maklumat yang lebih tepat dan baik. Melalui metode ini juga, ia memudahkan lagi pengkaji untuk menganalisis secara lebih tepat semua fakta yang diperolehi.

Metode pemerhatian dilakukan untuk mendapat data-data yang lebih berkualiti adalah seperti berikut:

1. Realiti masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam bab tiga.
2. Biografi Ismail Lutfi iaitu keperibadian, aktiviti dan sumbangan dakwah dalam bab tiga.
3. Pendekatan dakwah Ismail Lutfi dalam bab tiga.
4. Faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi dalam bab empat.

---

<sup>30</sup> Ahmad Sunawari Long (2006), *op.cit.*, h. 52.

### c) Metode Soal Selidik

Selain daripada menggunakan metode temu bual dan pemerhatian, pengedaran borang soal selidik (questionnaire) juga digunakan dalam kajian ini bagi menguatkan lagi maklumat kajian. Soal selidik adalah satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat untuk tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian.<sup>31</sup> Oleh itu, soal selidik adalah suatu kaedah yang penting dalam mengambil maklumat daripada sampel kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan satu set borang soal selidik untuk mendapat maklumat tentang faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi yang dibincangkan dalam bab empat. Borang soal selidik diedarkan seperti berikut:

### i) Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi ialah keseluruhan fenomena yang ingin dikaji atau merupakan jumlah keseluruhan unit yang digunakan dalam kajian.<sup>32</sup> Populasi dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah semua golongan masyarakat Islam di Selatan Thailand yang terlibat dengan pengajian kuliah mingguan di *Majlis al-'Ilm Faṭānī* dan *Majlis al-'Ilm UIY*. Bahagian Kedua pula ialah semua golongan pelajar di UIY. Manakala sampel kajian yang dipilih ialah satu kumpulan kecil atau suatu subset yang diambil daripada populasi. Dengan kata lainnya, sebahagian kecil daripada populasi.<sup>33</sup> Sampel kajian yang pertama ialah subgolongan masyarakat Islam di Selatan Thailand yang terlibat dengan pengajian kuliah mingguan di *Majlis al-'Ilm Faṭānī* dan *Majlis al-'Ilm UIY*. Manakala sampel kajian yang kedua ialah subgolongan pelajar di UIY.

Bagi mendapatkan sampel yang sesuai, pengkaji telah menetapkan bilangan sampel atau responden adalah seramai 260 orang. Sampel pertama terdiri daripada golongan masyarakat Islam di Selatan Thailand yang terdiri dari wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat

---

<sup>31</sup> Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 120.

<sup>32</sup> Syed Arabi Idid (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: DBP, h. 52.

<sup>33</sup> *Ibid.*

yang terlibat dengan pengajian kuliah mingguan di *Majlis al-'Ilm Faṭānī* dan *Majlis al-'Ilm UIY* iaitu seramai 240 orang. Responden dipilih seramai 80 orang dari setiap wilayah, setiap wilayah pula pengkaji menetapkan tiga daerah iaitu satu daerah Muang (daerah yang menjadi ibu wilayah) dan dua daerah yang lain. Bagi daerah Muang setiap wilayah, pengkaji memilih dua masjid dengan menetapkan responden setiap masjid seramai 15 orang daripada jumlah keseluruhannya 30 orang. Manakala dua daerah yang lain lagi bagi setiap wilayah, pengkaji menetapkan setiap daerah sebuah masjid sahaja dengan menetapkan responden setiap masjid seramai 25 orang daripada jumlah keseluruhannya 50 orang.

Seterusnya, responden daripada golongan pelajar di UIY adalah seramai 20 orang. Responden terdiri daripada golongan pelajar tahun empat Fakulti Pengajian Islam Jurusan Syariah dan Jurusan Usuluddin bagi sesi pengajian 2008/2009. Setiap Jurusan pengkaji menetapkan seramai 10 orang responden iaitu lima responden lelaki dan lima responden perempuan.

Lokasi dan sampel tersebut dipilih berdasarkan kaedah seperti berikut:-

1. Pemilihan daerah bagi setiap wilayah sama ada di daerah Muang dan dua daerah yang lain adalah berdasarkan kaedah *purposive sampling*.<sup>34</sup> Ini dilihat berdasarkan ramainya bilangan peserta *Majlis al-'Ilm Faṭānī* atau *Majlis al-'Ilm UIY* yang menetap di daerah yang telah dipilih.
2. Pemilihan masjid bagi setiap daerah sama ada daerah Muang dan dua daerah yang lain berdasarkan kaedah *purposive sampling*. Ini dilihat berdasarkan ramainya bilangan peserta *Majlis al-'Ilm Faṭānī* atau *Majlis al-'Ilm UIY* yang menetap di masjid itu yang telah dipilih.
3. Pemilihan sampel bagi setiap masjid berdasarkan kaedah rawak mudah.<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> *Purposive Sampling* ialah sampel-sampel dipilih berdasarkan ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik sesuai dengan objektif dan matlamat kajian. Lihat, Ahmad Sunawari Long (2006), *op.cit.*, h. 69.

<sup>35</sup> Pensampelan Rawak Mudah ialah suatu kaedah pemilihan saiz sampel (n) yang diperolehi daripada suatu populasi (N). Tiap-tiap ahli dalam populasi berkenaan mempunyai probabiliti yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Lihat, Azhar Harun & Nawi Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 54.



4. Pemilihan pelajar tahun akhir di Fakulti Pengajian Islam, UIY dalam Jurusan Syariah dan Jurusan Usuluddin adalah berdasarkan kaedah *purposive sampling*. Ini dilihat berdasarkan tempoh yang lama atau lebih senior serta pengalaman mereka. Manakala sampel bagi Jurusan Syariah dan Jurusan Usuluddin berdasarkan kaedah rawak mudah.

Sebanyak 260 set borang soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji sendiri dan pembantu pengkaji seramai lima orang. Semua borang soal selidik telah diedarkan dengan bantuan individu tersebut setelah pensampelan diterangkan oleh pengkaji.

Dalam tempoh sebulan pengkaji telah mengumpul semula borang-borang soal selidik melalui pembantu pengkaji tersebut untuk dianalisis. Jumlah borang soal selidik yang berjaya dikumpulkan semula hanya 258 set soal selidik sahaja. Borang soal selidik telah diedarkan pada pertengahan bulan September 2009.

## **ii) Kajian Rintis**

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, satu kajian rintis (pilot test) telah dijalankan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan (reliability) borang soal selidik. Kajian rintis telah dilakukan pada bulan Julai 2009 ke atas 25 orang responden yang sedang mengikut pengajian kuliah mingguan di *Majlis al-'Ilm Faṭānī*. Kajian rintis dilaksanakan ke atas sampel yang sejenis dengan sampel sebenar kajian. Hasil daripada kajian rintis ini akan membolehkan pengkaji mengenal pasti kelemahan instrumennya dan mengetahui di mana kekuatannya.<sup>36</sup>

Berdasarkan hasil analisis tersebut, kelihatan nilai pekali kebolehpercayaan bagi data kajian ini adalah tinggi iaitu 0.924. Untuk pengetahuan, nilai maksimum bagi pekali kebolehpercayaan ialah 1.00. Sekiranya nilai pekali kebolehpercayaan kurang dari 0.6 maka

---

<sup>36</sup> Idris Awang (2001), *op.cit.*, h. 62.

bolehlah dianggap instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah.<sup>37</sup>

### **1.7.2 Metode Analisis Data**

Setelah data primari dan data sekunder diperoleh serta dikumpulkan melalui metode-metode tersebut, pengkaji menggunakan beberapa metode untuk menganalisis data-data yang diperoleh iaitu seperti berikut:-

#### **a) Metode Induktif**

Metode induktif memberi erti pernyataan yang berbentuk universal berasaskan pernyataan-pernyataan khusus.<sup>38</sup> Dengan maksudnya ialah daripada yang khusus kepada yang menyeluruh.<sup>39</sup> Metode ini digunakan dalam bab dua dan tiga.

#### **b) Metode Deduktif**

Metode deduktif memberi maksud pernyataan yang berbentuk khusus berasaskan pernyataan-pernyataan universal, iaitu daripada yang menyeluruh kepada yang khusus.<sup>40</sup> Metode ini digunakan dalam bab dua dan tiga.

#### **c) Metode Komparatif**

Metode komparatif memberi maksud cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan antara beberapa data yang diperoleh dalam masa penelitian dilakukan. Segala data dan pendapat ahli yang berautoriti dikumpulkan dan dibandingkan kemudian dibuat

---

<sup>37</sup> Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu (2003), *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Kuala Lumpur: Penerbit Venton Publishing (M) Sdn. Bhd., h. 345.

<sup>38</sup> Mohd. Ariff Hussein (1990), *Kaedah Penyelidikan Gunaan dalam Bidang Ekonomi*. Kuala Lumpur: DBP, h. 5.

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> *Ibid.*

kesimpulan, generalisasi dan dalil.<sup>41</sup> Dengan metode inilah pengkaji membuat kesimpulan. Metode ini digunakan dalam bab dua, tiga, empat dan bab lima.

#### **d) Metode Analisis Statistik Deskriptif**

Data-data yang diperoleh dari borang soal selidik dimasukkan ke dalam komputer dan diproses menggunakan perisian program *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 12.0. Kemudian data dianalisis melalui statistik deskriptif.<sup>42</sup> Kaedah ini digunakan bagi menerangkan taburan kekerapan dan peratusan serta menentengahkan nilai min bagi setiap item yang dikemukakan.

Kekerapan dan peratusan digunakan bagi mendapatkan gambaran demografi responden. Manakala taburan kekerapan, peratusan, nilai min setiap item dan purata nilai min yang menyatakan sangat suka, suka, biasa dan tidak suka bagi setiap item tentang faktor tarikan dakwah Ismil Lutfi yang merangkumi faktor pada personalitinya, pada isi penyampaiannya dan pada gaya persembahannya.

Berkaitan dengan terjemahan ayat-ayat al-Quran, pengkaji menggunakan *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* sebagai panduan dalam terjemahan.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> Abd. Halim Hj. Mat Diah (1987), *Risalah: Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: APIUM, h. 136.

<sup>42</sup> Statistik deskriptif ialah satu teknik untuk memerihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian. Lihat, Iran Herman (1994), *Analisis Statistik Deskriptif*, Kajang: Tekno Edar, h. 4.

<sup>43</sup> Sheikh Abdullah Basmeih (t.t.), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al- Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.